


# 'Perkahwinan' rusa, kambing

Seekor kambing diberi nama Changmao (belakang) dan seekor rusa bernama Chunzi menjadi tarikan di Taman Haiwan Liar Yunnan di wilayah Yunnan ketika sambutan Hari Kekasih berlangsung. Penduduk berpusu-pusu ke taman itu selepas petugas zoo mendedahkan hubungan 'intim' Changmao bermaksud 'rambut panjang' dan Chunzi (asli). Dua haiwan itu kemudiannya 'dikahwinkan' sempena Hari Kekasih kelmarin. Taman itu bercadang menjual 500 tiket khas untuk mereka yang berminat menghadiri upacara perkahwinan itu.